

ANALISIS TEORI MODAL INSAN BERDASARKAN TASAWUR PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM

ANALYSIS OF HUMAN CAPITAL THEORY BASED ON ISLAMIC DEVELOPMENT WORLDVIEW

Mohamad Zaki Ibrahim¹

Mohd Shukri Hanapi² *

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA, (E-mail: zaki_ibrahim@student.usm.my)

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA (E-mail: hshukri@usm.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 17-10-2025

Revised date : 18-10-2025

Accepted date : 1-11-2025

Published date : 13-11-2025

To cite this document:

Ibrahim, M. Z., & Hanapi, M. S. (2025). Analisis teori modal insan berdasarkan tasawur pembangunan berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 502 – 513.

Abstract: *Human capital refers to knowledge, work skills, and psychometric assessments that assume education is the key determining factor in worker productivity and reflect on worker income. Since the 1960s, this theory has dominated economics and built a basic understanding of society that links education, employment and income. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the human capital theory based on Islamic worldview. Islamic worldview is a model for the formation of human capital who become the actors of a development project. This research was conducted by collecting data through library research. Data were analyzed using qualitative analysis method. This study found that human capital theory is contrary to the Islamic concept of human development. This discrepancy is from the point of view of concept, practice and application. Human capital theory is not suitable to be used as a reference for Islamic development. Therefore, This article proposes a conceptual framework of Islamic-Based Human Development as an alternative, which integrates the spiritual, mental, physical, and social dimensions.*

Keywords: *Human Capital Theory, Human Development, Islamic World View, Islamic Based Human Development*

Abstrak: *Teori modal insan (TMI) yang dikembangkan oleh Schultz dan Becker sejak 1960-an telah mendominasi paradigma ekonomi moden dengan menekankan hubungan antara pendidikan, produktiviti, dan pertumbuhan ekonomi. Namun, teori ini dibangunkan berasaskan kerangka falsafah sekular dan positivistik, yang menafikan dimensi rohani dan tujuan akhir insan. Artikel ini menganalisis TMI berdasarkan tasawur pembangunan berteraskan Islam (PBI) dengan memberi tumpuan kepada aspek epistemologi, sumber pembangunan insan, peranan manusia, dan ukuran kejayaan pembangunan insan. Penyelidikan ini dibuat dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa teori modal*

insan berlawanan dengan tasawur PBI. Percanggahan ini adalah dari sudut matlamat, sumber, peranan, ukuran kejayaan dan epistemologi. Hasil analisis mendapati teori modal insan lazim bersifat sekular, materialistik, dan reduksionis, sedangkan pembangunan insan dalam PBI bersifat tauhidik, holistik, dan syumul. Artikel ini mencadangkan kerangka konseptual Pembangunan Insan Berteraskan Islam (PIBI) sebagai alternatif, yang mengintegrasikan dimensi rohani, akliah, jasmani, dan sosial.

Kata kunci: *Teori Modal Insan, Pembangunan Insan, Tasawur Pembangunan Islam, Pembangunan Insan Berteraskan Islam*

Pengenalan

Pandangan alam terhadap TMI meletakkan peranan manusia sebagai aset dan agen perubahan yang berharga dalam memacu kemakmuran ekonomi, kemajuan sosial dan pelaksana pembangunan. Teori berkaitan modal insan merujuk kepada pengetahuan, pendidikan, kecekapan kerja, dan penilaian psikometrik (Namasivayam & Denizci, 2006). TMI mengandaikan bahawa pendidikan menentukan produktiviti pekerja dan ia juga akan menentukan pendapatan pekerja (Schultz, 1961; Becker, 1962). Sejak tahun 1960-an, teori ini mendominasi indeks ekonomi dalam menilai prestasi sesebuah negara dan membina kefahaman asas bahawa terdapat hubungan linear antara pendidikan, pekerjaan dan pendapatan (Nurkholis A, 2018). Walaupun TMI telah menyumbang kepada kefahaman tentang hubungan pendidikan dan pertumbuhan ekonomi, tetapi ia tetap berakar daripada falsafah Barat yang sekular dan positivistik.

Teori ini mengabaikan dimensi rohani dan ukhrawi insan. Justeru, penilaian terhadap konsep dan teori modal insan perlu dijalankan berdasarkan tasawur PBI bagi menentukan pandangan Islam terhadap TMI. Tasawur PBI dijadikan asas dalam menilai TMI kerana ia mempunyai acuan dalam membina kerangka pembangunan yang selari dengan syariat.

Latar Belakang Teori Modal Insan

Perbincangan Barat mengenai identiti manusia berakar daripada falsafah Darwinisme yang menafsirkan manusia secara biologikal melalui teori evolusi melalui penulisannya yang terkenal *the origin of species* pada tahun 1863 (Douglas W. Schemske, 2000; 1069-1073). Rentetan daripada teori evolusi, muncul sarjana barat lain yang membicarakan identiti manusia seperti Freud (psikoanalisis), Skinner (behaviorisme), Rogers (fenomenologi humanistik), dan Maslow (hierarki keperluan). Rentetan daripada falsafah ini, lahirlah teori-teori sosial dan ekonomi termasuklah teori modal insan.

Theodore Schultz (1961) menegaskan bahawa pelaburan dalam pendidikan, latihan, dan kesihatan meningkatkan produktiviti dan pendapatan individu. Gary Becker (1964) pula mengembangkan pendekatan matematik terhadap kadar pulangan pendidikan, menjadikan modal insan sebagai komponen utama pertumbuhan ekonomi. Teori ini meletakkan manusia semata-mata sebagai faktor pengeluaran dalam ekonomi. Schultz (1961) menyatakan bahawa TMI (*human capital*) merupakan salah satu faktor penting dalam peningkatan ekonomi di sesebuah negara.

TMI merupakan suatu konsep yang muncul pada tahun 1776 dalam bidang ekonomi klasik (Fitzsimons, 1999). TMI dapat direalisasikan melalui dua kaedah. Pertama, manusia digunakan sebagai tenaga kerja berdasarkan jumlah kuantitinya. Hal ini menyatakan bahawa semakin ramai

jumlah manusia atau tenaga kerja maka produktiviti juga akan semakin tinggi. Kedua, pelaburan dalam pendidikan merupakan kaedah dalam meningkatkan kualiti modal insan. Pendidikan dan latihan yang diperoleh oleh manusia akan meningkatkan kemampuan sehingga produktiviti juga akan meningkat. Cara kedua ini tidak lagi mementingkan kuantiti atau jumlah tenaga kerja tetapi lebih mementingkan kualiti modal insan.

Kefahaman tentang latar belakang dan sejarah teori ini adalah penting untuk dianalisis berdasarkan perspektif tasawur PBI. Sejak tahun 1960-an, TMI mendominasi ekonomi dan membina kefahaman asas masyarakat yang menghubungkan antara pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis TMI berdasarkan tasawur PBI. Tasawur PBI merupakan acuan untuk pembangunan insan yang menjadi pelaku sesebuah projek pembangunan yang berteraskan Islam.

Kajian Literatur

Terdapat banyak kajian dan perbincangan yang dilakukan oleh para pengkaji berkisarkan teori TMI. Perbincangan dalam kajian lepas meliputi pemikiran tokoh terdahulu berkaitan TMI, konsep TMI, kepentingan TMI, pemeraksanaan TMI menerusi pendidikan, pengajaran dan pembelajaran dalam PI dan kajian ekonomi yang dikaitkan dengan TMI. Terdapat juga kajian PI dalam konteks Islam. Kajian lepas berkaitan PI dalam konteks Islam berkisar PI menurut karya dan pemikiran tokoh dan ulama terdahulu, penerapan nilai-nilai Islam dalam PI dan tasawur Islam dalam PI.

Teori Modal Insan

Becker (1962) dan Schultz (1961) secara asasnya mengubah paradigma pembangunan ekonomi dengan menekankan pelaburan terhadap manusia. Kajian mereka memperkenalkan TMI dalam pembangunan ekonomi. Mereka menunjukkan bahawa pelaburan dalam pendidikan, latihan, dan kesihatan adalah penting untuk kejayaan individu dan pertumbuhan ekonomi. Idea di sebalik teori ini ialah pendidikan sebagai pelaburan kerana ia menghasilkan pulangan masa hadapan. Kadar pulangan ini boleh dikira dan dibandingkan dengan pelaburan-pelaburan lain. TMI menggariskan idea bahawa meningkatkan keupayaan manusia akan membawa kepada produktiviti yang lebih tinggi dan hasil ekonomi yang lebih baik. Ini menunjukkan kepentingan untuk meningkatkan pendidikan dan pembangunan tenaga kerja. Pelaburan ini meningkatkan produktiviti dalam penjanaan kitaran ekonomi dan menyumbang kepada pendapatan individu. Perkembangan ini berjaya menguntungkan semua pihak.

Teori asas PI dicadangkan oleh Schultz (1961) menyatakan bahawa PI termasuklah pendidikan, latihan, penghijrahan dan kesihatan pekerja. Teori ini telah dikembangkan dan dimajukan semula oleh Becker (1962) yang membuat karya modal insan dalam organisasi terutamanya dalam bidang ekonomi buruh. Teori yang dikemukakan oleh Becker (1962) menunjukkan hubungan positif antara upah yang diterima oleh buruh dengan tingkat pendidikan. Kajian oleh Becker (1962) ini telah dikembangkan lagi oleh karya Michael Ferrary (2015) yang mendapati kepentingan pelaburan PI dan pulangannya kepada organisasi.

Banyak kajian dibuat berdasarkan TMI yang dikemukakan oleh Shultz (1961) dan Becker (1962). Kajian-kajian awal yang menjadi rujukan utama dalam teori modal insan seperti kajian pulangan pendapatan dari tahun persekolahan oleh Mincer (1958), Angrist dan Krueger (1991), Card and Krueger (1992), De la Croix dan Vandenberghe (2004) Harmon, Oosterbeek, dan Walker (2003), Cainarca dan K. Sgobbi (2012) dan kajian Fiaschi dan Gabbriellini (2013).

Kajian-kajian ini dijalankan dinegara yang berbeza tetapi memfokuskan kadar pulangan pelaburan terhadap modal insan.

Ahli ekonomi percaya bahawa pelaburan terhadap manusia, yang dilihat sebagai modal, akan memberi faedah dan mempengaruhi peningkatan produktiviti organisasi dan negara (Schultz, 1971). Sejak 1960-an, PI diakui sebagai pemacu kepada pembangunan ekonomi negara. Natijahnya, sistem pendidikan dijana agar membangunkan sumber manusia itu sendiri. Ahli ekonomi moden telah meletakkan manusia sebagai modal utama dalam menentukan pengeluaran, produktiviti, dan pembangunan sesebuah negara. PI lazim mengukur impak ekonomi dalam mengukur kejayaan individu dalam kehidupannya. Menurut Mill (1844:137-138), manusia dianggap sebagai makhluk ekonomi yang fungsinya hanyalah untuk mengeluarkan dan mengguna semata-mata. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan yang dikemukakan;

“It is concerned with him solely as a being who desires to possess wealth, and who is capable of judging of the comparative efficacy of means for obtaining that end. It predicts only such of the phenomena of the social state as take place in consequence of the pursuit of wealth. It makes entire abstraction of every other human passion or motive; except those which may be regarded as perpetually antagonizing principles to the desire of wealth, namely, aversion to labour, and desire of the present enjoyment of costly indulgences” (Mill, 1844)


Maksudnya: “Manusia hanya berkeinginan mengumpul harta kekayaan dengan apa cara sekalipun, walaupun dengan cara menindas orang lain atau orang bawahannya. Paling penting bagi mereka adalah kedudukan dalam masyarakat atau status. Mereka tidak menghiraukan orang lain atau tujuan lain, kecuali mereka terus mengamalkan penindasan ke atas orang lain dan sentiasa ingin mendapatkan keseronokan dengan sesuka hati walau terpaksa menanggung kos yang banyak” (Mill, 1884)

Model daripada R.E. Lucas (1990) dan R.M. Solow (1999) meletakkan pendidikan, kesihatan, dan teknologi sebagai komponen utama dalam pembangunan modal insan. Karya-karya ini mempengaruhi PI dalam tasawur lazim. Hasilnya sebuah indeks pembangunan manusia atau HDI dibangunkan untuk menilai prestasi sesebuah negara. HDI menggunakan tiga penanda aras utama. Pertama, penilaian dari sudut jangka hayat. Kedua, penilaian berkaitan pendidikan dan ketiga memfokuskan penilaian keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ketiga-tiga penanda aras akan diukur dan menghasilkan HDI bagi sesebuah negara. HDI menjadi kaedah untuk mengklasifikasikan tahap pembangunan sesebuah negara oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (UNDP).

PI yang dimaksudkan dalam HDI adalah kesedaran terhadap potensi manusia. HDI dibina beracukan pendekatan keupayaan dan kefungsi (*capabilities and functionings approach*) yang dikemukakan oleh tokoh ekonomi iaitu Amartya Sen. Melalui pendekatan ini, pembangunan manusia bukan sahaja untuk membolehkan manusia “berfungsi”, tetapi lebih penting lagi untuk mempunyai keupayaan atau kebebasan mencapai potensi diri (UNDP, 2007). HDI dibina berasaskan kepada PI dalam kerangka pembangunan lazim. Oleh itu, TMI menjadi rujukan utama dalam PI ini.

Walaupun TMI mendapat pengiktirafan pelbagai pihak, tetapi terdapat banyak juga kajian terkini yang mengkritik teori modal insan. Kebanyakan kritikan tertumpu kepada isu batasan, andaian dan aplikasi teori ini yang terlalu bersifat simplistik. Kajian Ejiro U. Osiobe (2019)

menunjukkan bahawa teori modal insan terlalu menekankan pendidikan dan latihan formal sebagai cara utama untuk meningkatkan produktiviti. Ia mengabaikan faktor lain seperti pengalaman, pembelajaran tidak formal, dan kebolehan semula jadi. Kajian Tan, E. (2014) menunjukkan kaedah mengukur modal insan terutamanya daripada segi pendidikan dan latihan juga tidak mudah. Teori ini sering bergantung pada metrik yang boleh diukur seperti tahun persekolahan yang mungkin tidak menggambarkan dengan tepat kualiti atau kaitan dengan pendidikan yang diterima. Teori modal insan juga dikritik kerana tidak mengambil kira faktor sosial budaya setempat dalam membuat analisis dan dapatan kajian. Kajian L.H White (2017) menyatakan teori modal insan cenderung mengabaikan peranan budaya sosial setempat, rangkaian, perhubungan, dan interaksi sosial dalam meningkatkan produktiviti dan hasil ekonomi.



Rajah 1: Indeks Pembangunan Manusia (HDI)

PI yang digerakkan di peringkat negara adalah untuk menjayakan projek atau program yang berteraskan teori pembangunan yang menjadi rujukan pembangunan sesebuah negara. Menurut Ahmad, F.A. (2010), secara asasnya dunia hari ini membangun menggunakan TMI beracukan PL. Menurutnya PL lahir daripada tasawur pemikiran barat yang tidak menjadikan agama sebagai asasnya, malah ia terbina daripada hujah-hujah akal dan rasional semata-mata iaitu pemikiran pengasas-pengasas teori pembangunan yang terikat dengan falsafah PL. Hal ini bertentangan dengan tasawur PBI.

Kajian-kajian berkaitan TMI tertumpu kepada peranan manusia sebagai ejen pembangunan ekonomi. Hal ini berbeza dengan PI berdasarkan tasawur PBI. Perbezaan ini perlu dikaji untuk menunjukkan PI dalam tasawur PBI mempunyai orientasi dan teras tersendiri.

PI Dalam Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam

Perbincangan tasawur PBI dalam konteks PI perlu dirujuk kepada peranan yang dimainkan oleh insan itu sendiri. Perbincangan dalam TMI melihat peranan manusia sebagai ejen pembangunan ekonomi semata-mata. Peranan manusia dalam tasawur PBI ialah makhluk Allah SWT yang mempunyai fungsi lebih khusus dan luas daripada apa yang dinyatakan dalam konteks pembangunan lazim. Aktiviti pengeluaran dan kepenggunaan hanyalah sebahagian daripada

peranan untuk manusia jalankan dan perlu mempertahankan fungsi khusus yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi ini (Salleh MS, 2003). Fungsi manusia selaku hamba Allah SWT direalisasi menerusi hubungan menegaknya dengan Allah SWT (*habl min Allah*) selaku Pencipta. Manakala fungsi sebagai khalifah Allah SWT direalisasikan dalam hubungan mendatar sesama manusia dan sumber alam selaku makhluk Allah SWT (*habl min al-Nas*) (Salleh MS, 2003; Hanapi MS, 2012)

Kajian yang memfokuskan aspek tasawur PBI dalam PI adalah terhad. Kajian Muis et al. (2018) melihat aspek falsafah dalam PI berteraskan Islam. Kajian ini merumuskan pembangunan insan daripada perspektif Islam boleh dilihat daripada tiga aspek. Pertama, aspek ontologi yang menjadikan tauhid sebagai acuan. Kedua, aspek epistemologi yang menjurus kepada sumber al-Qur'an. Apek ketiga ialah aspek aksiologi yang menerapkan nilai seperti ihsan, amanah dan perundangan (syura).

Menurut (Ismail & Jasmi, K.A. 2016:29), teras PI dalam Islam ialah tauhid. Tauhid membentuk tasawur kepada individu untuk menjadi pemangkin kepada peranannya dalam pembangunan kehidupan manusia. Tauhid ialah konsep Tuhan yang menjadi asas iman dan kepercayaan manusia terhadap kewujudan dan keesaan Allah SWT. Iman secara ringkas ialah rasa yakin terhadap kewujudan dan keesaan daripada Allah dan komitmen terhadap ajaran wahyu yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Konsep ini akan mempengaruhi cara berfikir dan bertindak (Hassan, 1992:2).

Dimensi PI Islam adalah luas mencangkup kehidupan dunia dan akhirat. Konsep PI menurut Islam menuntut pembangunan yang bersifat multi-dimensi dan menitikberatkan faktor keimanan dan ketakwaan (Mohamad, NS & Ahmad, S, 2013) kerana faktor tersebut merupakan penanda aras bagi insan yang paling mulia di sisi Allah SWT. Aspek kerohanian ini sebenarnya menjadi titik tolak kepada PI (Mat Akhir NS & Sabjan MA, 2014) yang perlu dijadikan teras kepada aspek material (Jasmi KA, 2016).

Peranan manusia menurut Islam sebagai watak pelaku sesebuah pembangunan yang perlu bergerak seiring dan meliputi rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat (Hamat MF dan Che Nordin MKN, 2012). Keperibadian manusia yang dibina dalam PI berdasarkan tasawur Islam juga mempunyai nilai akhlak yang disandarkan kepada Allah SWT. Ia merupakan perkara penting yang dikenali sebagai nadi penggerak kepada pembangunan peradaban insan (Jasmi et al., 2004). Siti Sarah Ahmad (2012) turut membedah pemikiran al-Mawardiyy berkaitan PI dengan memperkenalkan beberapa akhlak yang perlu ditanam dalam diri setiap insan untuk menjadi insan yang cemerlang.

Terdapat juga kajian-kajian lepas yang memfokus kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh ulama-ulama silam dalam PI berdasarkan tasawur Islam. PI menurut al-Nawawiy diuraikan dalam kajian Kamarul Azmi Jasmi (2002) yang menekankan aspek kerohanian dengan tumpuan kepada dua perkara iaitu metodologi yang betul dan isi kandungan yang lengkap dan sempurna dalam PI. Zainudin Hashim (2018) mengkaji pemikiran Hassan al-Banna berdasarkan kitab *Majmu'at al-Rasa'il* dengan memfokus perbincangan kepada unsur dan aspek PI. Kajian Muhammad Alihanafiah Norasid (2016) menganalisis pemikiran Sa'id Hawwa menurut kitab *al-Asas fi al-Tafsir* dalam melahirkan insan rabbani. Kajian PI menurut pandangan al-Ghazali ialah keikhlasan (*al-ikhlas*), benar (*al-sidq*), amanah (*al-amanat*), tanggungjawab (*al-mas'uliyat*), dan kesempurnaan (*al-kamal*) (Shuhari MH & Hamat MF, 2015).

Kajian-kajian lepas ini menunjukkan terdapat perbezaan ketara yang diantara PI dalam teori modal insan dan PI menurut tasawur Islam. Perbezaan ini dibincangkan dalam bahagian dapatan dan perbincangan.

Metadologi Kajian

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan. Secara lebih terperinci, sumber data dalam kajian ini dikelompokkan kepada tiga bahagian. Kelompok data sumber utama ialah al-Quran. Kelompok data sumber kedua ialah karya berkaitan pembangunan lazim atau konvensional. Kelompok data sumber ketiga pula ialah karya berkaitan pembangunan Insan berteraskan Islam. Disebabkan data yang dikumpulkan adalah daripada sumber wahyu, tesis, buku dan jurnal, justeru ia dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis method*)

Analisis Dan Perbincangan

Secara umumnya, perbincangan ini berkisarkan analisis teori modal insan yang diperkenalkan oleh Schultz dan Becker berdasarkan tasawur pembangunan Islam. Analisis ini dibuat daripada sudut sumber ilmu, peranan manusia dan indeks ukuran kejayaan dalam teori modal insan berdasarkan tasawur Islam

Sumber Ilmu

Kajian dalam sumber ilmu ialah bidang epistemologi. Epistemologi ialah kajian ilmu, sifat, asal usul dan had yang boleh digunakan pada sesuatu teori atau pegangan. Kajian epistemologi dalam teori modal insan ialah untuk memahami cara pengetahuan dibina, disahkan dan digunakan dalam rangka teori ini. Menganalisis epistemologi TMI melibatkan pemeriksaan andaian asas, metodologi, dan tuntutan pengetahuan yang menyokong teori ini.

Kajian sosiologi mempunyai dua sumber utama dalam epistemologi pembangunan masyarakat lazim. Sumber pertama, fenomenologi sosial dan etnometodologi dijadikan teras utama dalam menggubal teori pembinaan masyarakat. Sumber kedua ialah teori kritikal yang menafikan kewujudan kuasa atau ideologi tertentu yang menjadi sumber epistemologi kepada pembangunan masyarakat (Hartley D, 2007).

TMI mengambil aliran positivisme iaitu aliran falsafah yang berpendapat bahawa semua pengetahuan tulen adalah sama ada benar mengikut definisi dan boleh diselidik secara saintifik. Pendekatan ini mengutamakan fenomena yang boleh diperhatikan dan boleh diukur. Epistemologi TMI mendedahkan kekuatannya dalam menyediakan rangka kerja untuk memahami kesan ekonomi pendidikan dan latihan, serta batasannya dalam menangani kerumitan pembangunan manusia. Epistemologi TMI berteraskan kepada kefahaman sekular. Ilmu ditafsir semata-mata menurut dimensi empirikal yang menekankan data empirikal dan boleh diukur. Perspektif epistemologi yang lebih luas dan bersumber kepada wahyu dan sumber ketuhanan boleh memperkayakan kefahaman tentang PI. Namun pendekatan ini ditolak oleh TMI. Oleh itu, kajian ini melihat PI dari sudut sumber ilmu berdasarkan tasawur Islam.

Sumber ilmu dalam tasawur Islam bersumberkan al-Qur'an, hadith, ijmak dan qiyas (Salleh MS, 2012a:9). Keempat-empat sumber inilah yang menghasilkan PI berdasarkan tasawur Islam. Pegangan kepada sumber utama ini perlu diberi keutamaan dalam melaksanakan PI dalam tasawur Islam, Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya:

“Telah aku tinggalkan buat kalian dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana kalian berpegang pada keduanya iaitu; kitab Allah dan sunnah nabi-Nya”

(Takhrij Misykat al-Masabih. Isnaduh Hasan. No. Hadith: 184)

Sumber PI berdasarkan tasawur Islam tidak boleh beracukan tasawur lazim (Salleh MS, 2003:21-22). Oleh sebab itulah, PI perlu mengikut acuan daripada tasawur Islam itu sendiri (Hanapi MS, 2012:42). Asas dan acuan PI berakar umbikan daripada sumber tasawur Islam itu sendiri. Berdasarkan kepada analisis sudut sumber ilmu, teori modal insan berlawanan dengan tasawur Islam.

Peranan Manusia

Peranan manusia dalam teori modal insan ialah sebagai pemangkin penjana ekonomi. Falsafah pembangunan lazim meletakkan pembangunan ekonomi sebagai matlamat utama pembangunan, malah ia menjadi penentu kepada kejayaan atau kegagalan aspek-aspek lain dalam pembangunan (Salleh MS, 2002). Oleh itu, segala unsur yang berpotensi dapat meningkatkan pembangunan ekonomi akan diusahakan dengan kadar maksimum. Hal ini termasuk juga tanggapan bahawa manusia merupakan pelaku pembangunan sebagai makhluk ekonomi hanya berfungsi sebagai pengeluar dan pengguna semata-mata (Ahmad FA, 2010). Manusia dalam teori modal insan adalah tonggak utama, ini kerana teori ini pada asasnya berkisar pada konsep melabur kepada manusia untuk meningkatkan produktiviti dan nilai ekonomi manusia tersebut (Schultz, 1971). Teori ini memfokuskan kepada peranan manusia untuk menyumbang kepada kualiti keseluruhan tenaga kerja. Tenaga kerja yang lebih mahir boleh memacu inovasi, kecekapan dan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi (Emrullah Tan, 2014). Hal ini berlaku apabila manusia itu diberi latihan dan pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Kesimpulannya, teori modal insan meningkatkan kualiti insan yang akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, memacu mobiliti sosial, dan menyesuaikan diri dengan permintaan pasaran buruh yang berkembang. Peranan manusia dalam teori ini menekankan kepentingan dasar dan amalan yang menyokong pendidikan, latihan, kesihatan dan pembelajaran sepanjang hayat, akhirnya memupuk tenaga kerja yang lebih mahir dan dinamik untuk pembangunan ekonomi masyarakat.

Hal ini berbeza dengan tasawur Islam dalam membincangkan peranan manusia. Peranan manusia ialah sebagai khalifah Allah SWT, iaitu memakmurkan bumi ini berteraskan syariat Allah SWT. Peranan ini berteraskan kepada tasawur Islam. Terdapat tiga elemen asas yang terdapat dalam tasawur Islam. Pertama, Allah SWT sebagai Pencipta; kedua, manusia sebagai makhluk dan ketiga, sumber alam juga sebagai makhluk (Salleh MS, 2003:21-22 & 2008:3). Oleh itu, PI menurut tasawur Islam meletakkan terasnya dalam aspek tauhid kerana kefahaman tauhid akan membina acuan insan yang melaksanakan tujuan manusia dicipta oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tidaklah dijadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepadaKu”

(al-Dhariyat, 51:56)

Peranan manusia menurut tasawur Islam bersifat integral, mencakup tanggung jawab spiritual, sosial, moral, dan pembangunan (Jasmi KA, 2016). Istilah khalifah memberi maksud wakil Allah di bumi, ia adalah bertanggung jawab untuk memelihara dan menjaga alam semesta serta semua makhluk di dalamnya. Tugas ini melibatkan amanah dan tanggung jawab besar untuk menjaga keseimbangan dan keadilan di dunia.

Secara kesimpulannya, peranan utama manusia adalah untuk menyembah Allah SWT dalam semua aspek kehidupan. Semua aktiviti kehidupan dianggap sebagai ibadah apabila dilakukan dengan niat yang benar dan sesuai dengan syariat. Peranan manusia ialah untuk melaksanakan syariat Islam dalam setiap aspek kehidupan mereka. Ini bererti menjalankan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, baik dalam hal ibadah, muamalat (interaksi sosial dan ekonomi), dan akhlak (etika).

Tanggungjawab ini dilaksanakan demi untuk mendapatkan keridhaan Allah dan kebahagiaan di dunia serta akhirat. Oleh itu, keredhaan Allah SWT adalah matlamat akhir PI menurut tasawur Islam. Hal ini berbeza dengan peranan manusia dalam teori modal insan yang hanya memfokuskan kepada keuntungan ekonomi.

Ukuran Kejayaan PI

Kejayaan PI dalam teori modal insan dilihat berdasarkan kepada petunjuk kuantitatif dan kualitatif yang mencerminkan hasil ekonomi dan sosial daripada nilai pelaburan yang disuntik. Beberapa indikator utama yang diukur seperti peningkatan pendapatan, kadar pekerjaan yang tinggi, peningkatan produktiviti diperingkat individu dan organisasi dan kesan peningkatan ekonomi kepada negara.

Peranan manusia dalam teori modal insan adalah berdasarkan kepada impaknya dalam menjana ekonomi. Pulangan ekonomi ini dapat diukur menggunakan parameter tertentu. Sebagai contoh, Indeks Modal Insan (HCI) ialah ukuran tahunan yang disediakan oleh Bank Dunia. HCI mengukur negara yang terbaik dalam menggerakkan modal insan, potensi ekonomi dan profesional rakyat negara tersebut. Indeks ini dipengaruhi oleh teori modal insan dalam membuat analisis impak pelaburan modal insan dan pulangan ekonomi.

Selain HCI, Indeks Pembangunan Manusia (HDI) juga menjadi indeks penting mengukur kejayaan PI dalam sesebuah negara. HDI menggabungkan penunjuk jangka hayat, pendidikan dan pendapatan. Indeks ini sering digunakan untuk mengukur kejayaan pembangunan modal insan yang lebih luas di peringkat nasional. Terdapat juga Indeks Daya Saing Global yang membandingkan produktiviti dan kemakmuran sesebuah negara dengan mengambil kira faktor seperti pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Kedudukan yang lebih tinggi menunjukkan pembangunan modal insan yang berjaya.

Kesemua indeks-indeks ini mengambil pemberat ekonomi dengan ketara dalam menilai kejayaan PI berdasarkan teori modal insan. Ukuran ini berbeza dengan pendekatan tasawur Islam dalam mengukur kejayaan PI. Tasawur Islam mengukur kejayaan dalam PI melalui kerangka komprehensif yang mengintegrasikan dimensi rohani, moral, sosial dan pembangunan. Pendekatan holistik ini berteraskan sumber al-Quran dan Sunnah. Kejayaan diungkapkan dengan tahap taqwa, yang mencerminkan kesedaran individu terhadap Allah dan kepatuhan kepada perintah-Nya. Dalil al-Qur'an yang bermaksud;

Wahai manusia sesungguhnya Kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku untuk saling kenal-mengenal, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu adalah orang-orang yang bertakwa"

(Al-Hujurat, 49:13).

Taqwa dilihat sebagai kejayaan kepada PI dalam mempengaruhi dan membimbing tingkah laku moral dan etika. Taqwa adalah nilai kualitatif dan bersifat perasaan dalaman individu. Ketaqwaan ini juga dinyatakan sebagai kualiti insan seperti yang dinyatakan dalam hadis;

"Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas 'ajam (yang bukan Arab), atau 'ajam ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan"

(Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi,)

PI dalam tasawur Islam menekankan aspek rohani sebagai landasan utama dalam pembentukan individu. Oleh itu pendekatan PI ialah bersifat suntikan jiwa ataupun pendidikan berasaskan qalbu menerap elemen kasih sayang, menyelami kehendak pelajar, pengamalan sunnah, kesucian jiwa dan keberkatan ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Amir Mohd Nason & Mohd Shukri Hanapi, 2019). Pendekatan ini tidak memfokuskan PI sebagai agen ekonomi semata-mata tetapi sebagai khalifah Allah SWT. Kejayaan pembangunan dalam tasawur Islam adalah masyarakat yang hidup dalam syariat Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT. Dalil al-Qur'an menyatakan;

Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka sudah usahakan. (al-A'raf, 10:96)

Ayat ini jelas menunjukkan masyarakat yang dibina atas dasar taqwa akan mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya. Inilah hakikat kejayaan sebenar dalam tasawur Islam.

Ukuran kejayaan dalam PI berdasarkan tasawur Islam adalah bersifat kualitatif dan tidak memfokuskan kepada keuntungan ekonomi atau material semata-mata. Oleh itu, Indeks sedia ada dalam mengukur kejayaan PI tidak boleh dijadikan penanda aras berdasarkan tasawur Islam. Indeks yang digunakan untuk mengukur kejayaan PI mestilah dibina beracukan tasawur Islam (Wan Hasan MN& Hanapi MS, 2014).

Jadual 1: Perbandingan teori modal insan dengan tasawur PIBI

Aspek	Teori Modal Insan Lazim	Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam
Epistemologi	Sekular	Tauhidik, holistik, syumul
Sumber PI	Ilmu empirikal	Integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli dalma kerangka tauhidik
Peranan manusia	Faktor pengeluaran	Hamba & khalifah
Ukuran	ROI, KDNK, HDI	Sejahtera ummah, iman, akhlak, keseimbangan hidup
Matlamat	Pertumbuhan ekonomi	Al-Falah (kejayaan dunia & akhirat)

Kesimpulan

PI dalam Islam mesti dibina dan lahir daripada acuannya sendiri iaitu daripada epistemologi dan tasawur Islam. PI yang dibina berdasarkan daripada teori modal insan lahir daripada tasawur lazim. PI ini bercanggah dengan PI berdasarkan tasawur pembangunan berteraskan Islam. Oleh itu, keperibadian insan yang lahir daripada PI berdasarkan tasawur pembangunan Islam adalah berbeza daripada PI yang lahir daripada teori modal insan. Ukuran kejayaan PI juga berbeza dalam teori modal insan dengan PI berdasarkan tasawur PBI. Kejayaan PI dalam neraca teori modal insan lazim adalah pulangan ekonomi manakala kejayaan PI dalam tasawur Islam ialah modal insan yang bertakwa yang bercirikan dengan amar ma'ruf nahi mungkar, mempunyai misi dunia dan akhirat dengan kemuliaan akhlak.

Kajian ini menunjukkan teori modal insan tidak sesuai dijadikan asas atau rujukan PI berdasarkan tasawur PBI. Oleh itu, PI berdasarkan tasawur PIBI yang bersifat tauhidik, holistik, dan syumul dan lebih komprehensif sepatutnya menjadi asas PI.

Rujukan

- Ahmad. FA (2010). *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia*. UiTM, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA
- Becker, G. S. (1962). Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis. *Journal of Political Economy*, Vol 70(5)
- Emrullah Tan. (2014). Human Capital Theory: A Holistic Criticism Review of Educational Research Vol 84(3)
- Ferrary, M (2015). Investing in Transferable Strategic Human Capital Through Alliances in the Luxury Hotel Industry. *Journal of Knowledge Management*, 19(5), 1007-1028.
- Hanapi, M. S. (2014a). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hanapi, M. S. (2017). Tasawur teori pembangunan lazim: Analisis daripada perspektif tasawur Islam. *Jurnal Hadhari*, 9(1), 49–61. Accessed from <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-0901-04>
- Hanapi, M.S. & Mohamed Saniff, S. (2015). “Human Performance Measurement in the Human Development Index (HDI): An Analysis of Adequacy From the Perspective of the Islamic-Based Development Worldview”, *Sains Humanika*, Special Issue on Islamic Economic and Civilization, Vol. 4, No. 2, UTM Press, Skudai
- Hassan, M. A. (1992). The tawhidic approach in management and public administration: Concepts, principles and an alternative model. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- Hartley, D. (2007). Organizational epistemology, education and social theory. *British Journal of Sociology of Education*, 28(2), 195–208. <https://doi.org/10.1080/01425690701192620>
- Human Development Index. (2019). Information about the study. United Nations Development Program (UNDP). Last revised 23.04.2019. Electronic resource: <https://gtmarket.ru/ratings/humandevelopment-index/human-development-index-info>
- Jasmi, K.A. (2002). Paradigma Al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin. Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Jasmi, K.A. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES)
- Khosim, N., Hanapi, M. S. & Ibrahim, A. (2022). Tasawur Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Jurnal'Ulwan*, 7(2), 130-142.

- Ismail, A. M. & Jasmi, K. A. (2016). Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Lucas, R.E. (1990). “Why Doesn’t Capital Flow from Rich to Poor Countries?” dalam *The American Economic Review*, 80(2), ms.92-96.
- Mat Akhir, N.S. & Sabjan, M.A (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*.
- Mill, J. S. (1848). *Principles of Political Economy with Some of Their Applications to Social Philosophy*. <http://oll.libertyfund.org/titles/mill-principles-of-political-economy-ashley-ed>
- Mincer, J. (1958) Investment in Human Capital and Personal Income Distribution, *Journal of Political Economy*, 66, 281-302. <https://doi.org/10.1086/258055>
- Muis, A. M. R. A., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokhtar, M. Z. (2018). Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 536–545.
- Namasivayam, K., & Denizci, B. (2006). Human capital in service organizations: Identifying value drivers. *Journal of Intellectual Capital*, 7(3), 381–393
- Salleh, M. S. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Schultz, T. W. (1962). *Investment in Human Beings*. Chicago: University of Chicago Press.
- Schultz, T. W. (1963). *The Economic Value of Education*. New York: Columbia University Press.
- Schultz, T.W. (1971). *Investment in Human Capital: The Role of Education and of Research*. New York: The Free Press.
- Solow, R.M. (1999). “Neoclassical Growth Theory” dalam *Handbook of Microeconomics*, 1, ms.637-667.
- Shuhari, M.H. & Hamat, M.F. (2015). Nilai-nilai Penting Individu Muslim menurut al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol 9 (2015): January, 41-60
- Wan Hasan, W.N. & Hanapi, M.S. (2014). Analisis Acuan Indeks Pembangunan. *GJAT Vol 4* (1)
- White, Lawrence H. (2017). *Human Capital and its Critics: Gary Becker, Institutionalism, and Anti-Neoliberalism*. GMU Working Paper in Economics No. 17-02, Available at <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.2905931>